

06 JUN 2003

BSN-Mentor

SISTEM MENTOR BSN PERCEPATKAN PROSES PINJAMAN

KUANTAN, 6 Jun (Bernama) -- Sistem mentor Bank Simpanan Nasional (BSN) dalam Skim Kredit Mikro merupakan sistem mudah yang ditawarkan kepada peminjam untuk membuat pinjaman bank, kata Timbalan Pengurus Besar 1 BSN Ahmad Zaki Abdul Razak.

Beliau berkata mentor merupakan individu yang dipilih daripada persatuan-persatuan usahawan yang benar-benar layak untuk membantu peminjam mendapatkan pinjaman bank.

Katanya tugas mentor juga meliputi membuat pemantauan sehingga pinjaman seseorang itu berjaya, dan nisbahnya ialah seorang mentor bagi 10 peminjam.

"Tugas mentor juga adalah untuk membantu peminjam mengisi borang permohonan pinjaman dan menyediakan perancangan perniagaan kepada peminjam," katanya kepada pemberita selepas taklimat mengenai Skim Kredit Mikro kepada persatuan usahawan negeri Pahang di sini semalam.

Katanya melalui sistem mentor ia secara tidak langsung memudahkan pihak bank untuk mengetahui latar belakang peminjam dan mengelakkan kejadian kehilangan peminjam iaitu peminjam lari tanpa menjelaskan bayaran balik pinjaman.

Ahmad Zaki berkata kriteria pemilihan seseorang mentor adalah berdasarkan latar belakang perniagaan yang cemerlang dan mempunyai rekod kredit yang baik. Kini BSN mempunyai 75 orang mentor terlatih.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas mengumumkan Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion bagi meransang ekonomi negara yang memperuntukkan RM1 bilion bagi melaksanakan Skim Kredit Mikro untuk kemudahan peniaga kecil.

Skim Kredit Mikro telah dilancarkan oleh BSN dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) kelmarin dan ia merupakan kemudahan untuk membantu menjana aktiviti ekonomi negara secara dalaman dalam situasi kemerosotan kemasukan pelabur asing.

Di bawah program itu RM300 juta diperuntukkan kepada BSN dan RM500 juta kepada BPMB untuk membiayai aktiviti ekonomi berbentuk pertanian.

-- BERNAMA

LIB RHM